

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
KAWASAN : SIK

SOALAN:

YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyakkah aduan yang dapat dikenal pasti dan telah berjaya diselesaikan serta mekanisme bagi pihak Kementerian memantau kawasan yang sering terjejas akibat penggunaan kenderaan berat yang salah di sisi undang-undang.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari 1 Januari hingga 30 September 2016, jumlah kes aduan awam yang diterima oleh kementerian ini ialah sebanyak 4,006 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,990 kes aduan atau 99.6% telah diberikan maklum balas atau jawapan dalam tempoh 15 hari bekerja.

Bagi aduan kerosakan jalan yang tidak kritikal di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), tindakan pembaikan akan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Manakala bagi aduan yang melibatkan tindakan pembaikan yang rumit, tempoh masa pembaikan adalah tertakluk pada jenis tahap kerosakan dan kos peruntukan semasa. Manakala bagi aduan kerosakan yang melibatkan seliaan agensi lain (seperti pihak

berkuasa tempatan), maklumat aduan akan disalurkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

Mengenai isu penguatkuasaan terhadap kenderaan berat pula, ia terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Di-Raja Malaysia. Namun begitu bagi tujuan keselamatan dan mengelakkan kesesakan, kementerian ini telah mewartakan perintah larangan kenderaan berat dari menggunakan laluan tertentu ke pusat bandar Kuala Lumpur dan juga di Jambatan Pulau Pinang pada waktu puncak hari bekerja. Pengecualian hanya diberikan kepada mana-mana kenderaan berat yang membawa produk-produk kritikal dan memerlukan penghantaran segera atas faktor kepentingan awam.

Sekian. Terima kasih.